

Jangan terpengaruh dakwaan orang asing: PM

2 MAY 1991

KUALA LUMPUR, Isnin — Rakyat asing yang mendakwa usaha kerajaan untuk menyatukan kaum di negara ini akan gagal, bukan saja tidak mengenali Malaysia, malah tidak mampu menyelesaikan masalah di negara mereka sendiri, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

—Sehubungan itu, Perdana Menteri meminta rakyat jangan mudah terpengaruh dengan dakwaan orang asing bahawa apa yang dilakukan oleh kerajaan akan gagal.

“Kita lebih arif akan masalah kita. Kita sudah buktikan bahawa dasar dan prinsip kita lebih berjaya mengatasi masalah masyarakat majmuk dan keadaan tidak seimbang yang ada di negara ini.

“Yang penting ialah kita kurangkan tekanan emosi. Kita hendaklah bersifat sederhana dan berpandu kepada akal fikiran dalam menyelesaikan masalah kita,” katanya ketika merasmikan mesyuarat Panel Penasihat Perpaduan Negara di sini hari ini.

Menurut Datuk Seri Dr Mahathir, orang asing mungkin mendakwa mereka tahu masalah kaum di negara ini dan bagaimana mengatasinya.

Sebenarnya, kata Perdana Menteri, orang asing terbabit tidak tahu apa-apa kerana masalah di negara mereka sendiri pun tidak dapat mereka selesaikan.

“Keadaan di negara mereka jauh lebih buruk dari negara kita,” katanya.

“Mereka juga bukan saja tidak boleh menyatukan rakyat di negara sendiri, malah diskriminasi yang ketara masih wujud di sana,” katanya.

Perdana Menteri berkata, kerajaan sudah merancang bahawa Malaysia akan menjadi negara maju menjelang tahun 2020 dan yakin ia boleh dicapai.